

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 APRIL 2017

PM hadiri Sidang Kemuncak ASEAN

UM - 27/4/2017

MANILA 26 April - Perdana Menteri akan mengetuai delegasi Malaysia pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-30 di sini. Datuk Seri Najib Tun Razak yang akan diiringi oleh beberapa orang menteri kanan, dijadualkan tiba petang esok.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ramlan Ibrahim berkata, pada sidang kali ini, ASEAN akan merayakan sambutan jubli emas 50 tahun penubuhannya pada 1967.

Sejak tempoh itu, banyak kejayaan telah dicapai dan antaranya kejayaan gagasan itu merancang penubuhan komuniti ASEAN pada 2015 yang kini sedang menuju visi perlaksanaannya pada 2025.

Bercakap dalam satu taklimat media di sini petang ini, katanya, sidang kemuncak kali ini boleh menjadi platform terbaik para pemimpin negara anggota bertukar-tukar pandangan dan mempromosikan kerjasama dalam kalangan negara ahli selain rakan antarabangsa.

Pada sidang kali ini, Perdana Menteri dijadual menyampaikan ucap-tama pada Sidang Kemuncak Kemakmuran Untuk Semua.

Fokus sidang kemuncak yang



**ZAHARUDDIN
MOHD. ALI**

Melaporkan dari **MANILA, FILIPINA**

dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN ialah menggalakkan pertumbuhan melalui usahawan kecil dan mikro dalam bidang perdagangan, perkhidmatan dan pertanian.

Selain itu, beliau juga akan mempengerusikan sidang kemuncak ke-10 kawasan Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT) selain menghadiri mesyuarat kawasan pertumbuhan ASEAN timur ke 12 yang membabit-

kan Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina (BIMP-EAGA) yang dipengerusikan oleh Presiden Duterte dari Filipina.

Pada kesempatan sama, jelas beliau, Perdana Menteri juga dijangka mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatan beliau dari Vietnam. Sidang kemuncak ASEAN kali ini bertemakan Perkongsian Bagi Perubahan, Mendepani Cabaran Dunia. - UTUSAN



RAMLAN IBRAHIM